

Kes Rahim: PM tidak tolak unsur politik

KUCHING, Selasa - Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan ada unsur politik dalam kes pendedahan yang dikatakan dilakukan oleh Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Tanpa mengulas lebih lanjut perkara itu, beliau berkata seseorang tidak boleh dihukum salah, sehingga kesalahannya dibuktikan.

"Bagi saya walaupun kita boleh menyuruh beliau (Rahim) bercuti, tetapi beliau masih belum ditentukan sama ada bersalah ataupun tidak.

"Oleh itu, tidaklah adil jika kita adakan perbincangan menerusi media massa dan lebih teruk lagi oleh pihak pembangkang," katanya dalam sidang akhbar di Lapang Terbang Antarabangsa Kuching, petang ini.

Mengenai tindakan Rahim kembali bertugas, Dr

Mahathir berkata: "Kita tak komen lagi..tunggulah...jika beliau balik bekerja atau sebaliknya.

"Beliau bukan kembali bertugas, tetapi nak habis kerja-kerja yang masih tinggal sedikit lagi...itu tak apalah."

Diminta mengulas dakwaan pihak pembangkang bahawa kepulangan Rahim itu untuk memutuskan beberapa perjanjian yang membabitkan kepentingannya; Perdana Menteri berkata:

"Bagi parti pembangkang tiada suatupun yang baik mereka sebut mengenai parti kerajaan, malah mereka lebih seronok sekiranya Rahim didapati bersalah.

"Pada pembangkang tidak pernah pihak kerajaan didapati tidak bersalah."

Di Melaka, Berita Harian difahamkan Pe-

mangku Ketua Menteri Melaka dijangka mengangkat sumpah esok untuk mengambil alih tugas kerajaan daripada Rahim yang masih bercuti sehingga penyiasaan polis terhadapnya selesai.

Perdana Menteri dijangka mengumumkan nama tokoh berkenaan selepas mesyuarat Kabinet di Kuala Lumpur esok manakala majlis mengangkat sumpah akan diadakan di hadapan Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin, kira-kira jam 3 petang di kediamannya.

Pejabat Yang Dipertua Negeri di sini mengesahkan persiapan untuk majlis mengangkat sumpah sedang dijalankan.

Menurut jurucakap berkenaan, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Ahmad Ithnin, mengarahkan supaya persia-

pan dibuat bagi mendapatkan persetujuan daripada Syed Ahmad mengenai masa dan tempat majlis itu diadakan.

Jurucakap itu berkata, nama bakal pemangku Ketua Menteri belum diterima tetapi dijangka diperolehi pagi esok.

Tiga nama disebut-sebut dilantik sebagai pemangku Ketua Menteri iaitu Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abu Zahar Isnin; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Perindustrian, Datuk Mohd Ali Rustam; dan Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd Zin Ghani.

Bagaimanapun, sumber di kalangan pentadbiran kerajaan negeri menyebut Abu Zahar sebagai bakal pemangku kerana beliau sering mewakili Ketua Menteri dalam beberapa majlis rasmi sebelum ini.